

08/08/2003

PM yakin RazakSAT setaraf satelit asing

Kadir Dikoh; Salina Abdullah

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin satelit rekaan anak tempatan setaraf dan mampu menyaingi kebolehan satelit negara asing.

Perdana Menteri berkata, satelit keluaran tempatan itu mempunyai kebolehan yang tidak kurang daripada satelit lain.

Berpuas hati dengan perkembangan itu, beliau berkata, kejayaan itu membuktikan bahawa jurutera tempatan berkebolehan dan mampu membina peralatan berkenaan.

"Pada awalnya, kita mahu orang lain buat (satelit) di Satreci (Satreci Co Ltd dari Korea Selatan). Tapi kita dapati jurutera kita mempunyai kebolehan dan setelah dilatih di Korea kita nampak mereka berkeupayaan membuat komponen.

"Hanya yang menjadi halangan, kita mula lewat dan kita perlu dapat pengalaman. Kita juga perlu belanja wang. Ini jadi masalah," katanya kepada pemberita selepas diberi taklimat mengenai program angkasa lepas di Astronautic Technology Sdn Bhd (ATSB), di sini semalam.

Pada majlis itu, Perdana Menteri juga memberikan nama bagi satelit pencerapan bumi kedua negara itu, RazakSAT, sebagai penghormatan kepada Perdana Menteri kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein.

RazakSAT ialah sebuah satelit pencerapan bumi yang membawa kamera apertur sederhana. Ia dibangunkan bersama oleh ATSB dan Satreci. Satelit itu berupaya menghasilkan imej resolusi tinggi dengan pelbagai aplikasi, termasuk kawalan keselamatan negara, sempadan dan ketenteraan.

Satelit membabitkan kos RM50 juta tidak termasuk pelancaran yang mampu membezakan objek sebesar 2.5 meter x 2.5 meter di bumi itu turut menawarkan aplikasi pertanian, perhutanan, perancangan bandar, mengesan perubahan penggunaan tanah, pemantauan perairan dan perkapalan serta pemetaan geologi.

Berbanding satelit mikro pertama negara, TiungSAT-1 yang mempunyai resolusi 78 meter x 78 meter satu pixel, RazakSAT mempunyai resolusi lebih tinggi dengan kelebihanpengesanan tambahan.

Program pembangunan satelit itu bermula pada 2000 dengan seramai 16 jurutera ATSB dihantar ke Korea Selatan untuk bekerja bersama rakan teknologi mereka.

Bagaimanapun, sesetengah pembangunan subsistem RazakSAT dija lankan di Malaysia, sekali gus menandakan sebuah satelit dibangunkan buat pertama kali oleh jurutera tempatan di negara ini.